

DATE: 03/09/2007

Bahas sumbangan kemerdekaan

Oleh ROOSFA HASHIM

LAMA sebelum berkumandangnya seruan "Merdeka!" di Stadium Merdeka, telah terbit pelbagai buku yang menaikkan semangat ke arah kemerdekaan misalnya *Seruan Merdeka* oleh Salleh Ghani (Sentosa Store 1949). Kemudian terbit pula beberapa buku berjudul Merdeka yang diterbitkan oleh Mohamed Yasin Datuk Abdul Rahman (Merdeka Press 1954), *Merdeka dengan Perlembagaan* tulisan Ahmad Azzam Hanafiah (Pustaka Semenanjung 1956) dan *Menuju ke Negara Merdeka* oleh Abdul Aziz al-Husni (Pustaka Merdeka).

Buku-buku ini menunjukkan betapa seriusnya usaha yang dilakukan oleh pejuang kemerdekaan dan digerakkan dengan penuh bersemangat oleh rakyat negara ini.

Pada tahun kemerdekaan Abdul Aziz Ishak, salah seorang anggota Kabinet Tunku dan bekas Menteri Pertanian menulis tentang pemimpin UMNO itu dalam bukunya Tungu Abdul Rahman: *The Architect of Merdeka*. Di Stadium Merdeka sendiri diedarkan *Stadium Merdeka Souvenir, 30th August, 1957* (Lai Than Fong Press, 1957).

Dan dua buah lagi buku cenderamata yang masih dapat kita baca ialah *Souvenir Programme of the Federal Capital Merdeka Celebrations, 29th August-8th September, 1957*. *Straits Times Press* pula menerbitkan buku berjudul *Buku Merdeka: Tanah Melayu Menjadi Negara*.

Selain itu terbit pula buku *Merdeka for Malaya* oleh Francis Cooray (New Asia Trading 1957). Manakala Ibu Pejabat UMNO

Malaya pula menerbitkan *Malaya Merdeka*. Kemerdekaan bukan sahaja disambut meriah di tanah air. Nun jauh di seberang, tokoh gerakan kiri Ibrahim Ya'akub menerbitkan *Sekitar Malaya Merdeka* atas nama Kesatuan Melayu Merdeka.

Kita masih dapat menatap dan membaca misalnya *Buku Merdeka: Sambutan Ulang-tahun Merdeka yang Ketiga, Persekutuan Tanah Melayu, 31 August 1960. Third anniversary merdeka souvenir* (S. I. Md. Yusoff 1960). Selepas sedekad merdeka muncul pula *Perayaan Ulang Tahun Merdeka: Malaysia 10 tahun merdeka terbitan UMNO* pada tahun 1967. Buku ini sebenarnya diterbitkan oleh sebuah jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia yang ke-10. Selain itu terbit pula buku berjudul *Sepuluh Tahun Merdeka* oleh Abha (Penerbitan Asean).

Pencapaian

Apabila negara mencecah suku abad usia kemerdekaan terbit pula *25 Tahun Merdeka: Kenangan Abadi kepada Bangsa, Agama dan Tanah Air* oleh tokoh veteran UMNO Allahyarham Tan Sri Abdul Samad Idris (Penerbitan Pustaka Budiman 1982). Sesungguhnya buku ini amat besar sumbangannya dalam merakamkan pencapaian suku abad negara kita selepas terlepas daripada belenggu penjajahan. Buku *Citra Merdeka (1957-2005)*: buku cenderamata khas sempena sambutan hari kemerdekaan ke-49 tahun 2006 diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia.

UM- 3/9/2007

Nikmat dan kebahagiaan kemerdekaan bukan sahaja dikecapi di Semenanjung Tanah Melayu. Apabila gagasan Malaysia menjadi kenyataan pada 1963, Sabah dan Sarawak juga merasakan limpahan kebahagiaan hidup di negara yang ditadbir sendiri oleh anak tempatan. Buku *Sarawak 30 Tahun Merdeka: Cemerlang dalam Politik Pembangunan* oleh Aisah Zainab Mahmud (Ensimal 1993) jelas memperlihatkan betapa negeri di seberang Laut China Selatan itu telah berkembang dan maju dari pelbagai aspek terutamanya politik dan pembangunan fizikal. Pihak profesional juga tidak kurang memberikan sambutan dan sumbangan dalam merakamkan keindahan yang dicapai sejak kemerdekaan misalnya apa yang dilakukan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia, yang menerbitkan buku bergambar berteraskan keindahan dan estetika bangunan tempatan sejak kita mencapai kemerdekaan dalam buku berjudul *Post-Merdeka Architecture: Malaysia 1957-1987* tulisan Chan Chee Yoong pada tahun 1987 iaitu 30 tahun selepas merdeka.

Banyak juga ditulis dan diterbitkan kajian tentang perkembangan menjelang kemerdekaan dan pencapaian serta perkembangan selepas merdeka, misalnya *Sejarah Perkembangan Pilihan Raya Era Pra Merdeka, 1955* oleh Ramlah Adam dan buku *Perkembangan pendidikan di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka Hingga ke Zaman Sesudah Merdeka* oleh Abu Zahari Abu Bakar (Penerbit Fajar Bakti, 1984). Sebuah lagi wacana perjuangan kemerdekaan ialah *Merdeka!: British rule and the struggle for independence in Mala-*

ysia, 1945-1957 oleh Khong, Kim Hoong (Strategic Information Research Development, 2003).

Aspek ekonomi selepas merdeka juga penting diperhatikan dan dikaji oleh sarjana tempatan misalnya dalam buku berjudul *Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan: Pembangunan & Ketidaksamaan 27 Tahun Selepas Merdeka* oleh Ishak Shari (Institut Analisa Sosial, 1984). Buku *Merdeka: British rule and the struggle for independence in Malaya, 1945-1957* oleh Khong, Kim Hoong (INSAN 1984) lebih melihat peranan British dan perjuangan rakyat mengusir penjajah dari tanah air. Banyak juga buku baru diterbitkan menjelang 50 tahun kita merdeka misalnya tulisan Chamil Wariya yang menampilkan 50 tokoh terbilang.

Selain itu telah terbit *Long Road to Merdeka* oleh Kamarul Zaman Ariff (Dusun Gayah 2007), *Merdeka 50: Cenderahati Ulang Tahun Jubli Emas* (Preston 2007) dan banyak judul lain lagi.

Demikianlah, banyak sekali buku yang memberikan refleksi terhadap peristiwa kemerdekaan dan perkembangan selepasnya. Sejak dulu sampai kini tidak putus-putus buku yang membahaskan perkembangan dan perubahan yang kita alami sejak tarikh keramat 31 Ogos 1957. Buku-buku ini akan terus dibaca dan dijadikan rujukan oleh kita, generasi selepas merdeka.

ROOSFA HASHIM ialah pensyarah di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.